

Permohonan utk PERPENSIS bergerak terus diluluskan

20 FEB 1975

PERSATUAN Pencak Silat Singapura (PERPENSIS) telah dibenarkan bergerak semula oleh Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri setelah permohonannya untuk mendaftarkan nama persatuannya di bawah undang-undang baru diluluskan, baru-baru ini.

Persatuan itu telah menghentikan kegiatan kira-kira sebulan sementara menunggukan keputusan permohonan mendaftarkan namanya di bawah Akta Seni Mempertahankan Diri yang

Oleh: SALIM OSMAN

berjalan kuatkuasanya pada 2 September yang lalu.

Yang dipertua PERPENSIS, Ustaz Taha Suhaimi berkata semalam: "Pendaftaran persatuan kami di bawah undang-undang baru telahpun diluluskan dan kami dibenarkan bergerak terus.

Peguam

"Pendaftaran itu telah dibuat menerusi peguam kami. Kami terpaksa men-

dapatkan nasihat undang-undang (legal advice) kerana kedudukan persatuan kami ini agak berlainan dari persatuan-persatuan silat lain."

Seni silat yang diikuti oleh kira-kira 600 orang anggota persatuan itu, katanya, adalah bercorak spiritual yang dengan itu susah untuk disamakan dengan seni mempertahankan diri yang lain.

Persatuan itu tidak mempunyai "guru" silat yang boleh dilihat mengajar dan anggota-anggota PERPENSIS itu tidak pula dapat dilihat menerima ajaran dari seseorang guru.

"Seni silat yang diikuti oleh anggota-anggota persatuan kami adalah bercorak Bathin dan tidak ada guru," katanya, sambil menambah bahawa anggota-anggotanya mengamalkan ayat-ayat Al-Kuran.

Menurut cerian dalam undang-undang itu, seorang instraktor diistilahkan sebagai orang yang mengajar orang lain dalam seni silat sementara seorang pelatih diistilahkan sebagai orang yang menerima ajaran itu.

Disebabkan PERPENSIS tidak mempunyai guru silat, maka ia cuma mendaftarkan nama persatuannya saja sebagai sebuah pertubuhan silat, seperti yang diwajibkan oleh undang-undang baru silat itu.

Pengawal Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri di Kementerian Halehwal Dalam Negeri, Encik John Pasqual, berkata bahawa selagi persatuan itu tidak ada guru, maka ia tidaklah diwajibkan mendaftarkan nama anggota-anggotanya dan instraktor silat.

"Urusan tentang pendaftaran dan kedudukan persatuan itu telah dilaksanakan oleh seorang peguam mereka," dia mengesahkan kepada Berita Harian semalam.

Tukar nama

Sementara itu, PERPENSIS yang sebelum ini berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Persatuan mempunyai rancangan untuk menukar nama persatuannya sesuai dengan kegiatannya.

Kata Ustaz Taha semalam: "Anggota-anggota persatuan kami bukan saja beramal dari segi Bathin untuk mempertahankan diri tetapi juga giat dalam agama.

"Klas-klas agama diadakan untuk para anggota dan belia kami membantu mereka melindungi diri dari pengaruh-pengaruh tidak sihat."

Disebabkan itu, dia menambah bahawa persatuannya telah pun menulis surat kepada pihak berkuasa untuk menukar nama mereka kepada Persatuan Pencak Silat dan Seruan Islam Singapura.

Sementara itu, sejauh ini sejumlah 44 buah pertubuhan seni mempertahankan diri, 71 orang instraktor dan 1,070 orang pelatih telah pun mendaftarkan diri kepada unit itu.

Undang-undang silat yang baru dikuatkuasakan itu mewajibkan semua pertubuhan, guru dan pelatih silat mendaftarkan diri dengan unit